

08 MAR 1997

Megat-Pelajar

20,000 PELAJAR DIANGGAR TERLIBAT DENGAN DADAH

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Sebanyak 20,000 pelajar dianggarkan terlibat dengan masalah penagihan dadah di negara ini dan keadaan ini adalah amat serius, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob hari ini.

"Kalau sudah ada lebih 20,000 ia adalah amat serius...itu belum kita pergi secara habis-habisan. Kalau kita pergi habis-habisan memeriksa pelajar di seluruh negara, saya ingat angkanya adalah besar," katanya.

Sewaktu bercakap dengan pemberita selepas majlis penyerahan sumbangan kepada Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) di sini, beliau berkata kerajaan tidak akan menyembunyikan masalah ini sebaliknya mengambil tindakan segera sebelum ia merebak dengan lebih teruk.

Megat Junid, yang juga Yang Dipertua Pemadam Kebangsaan, berkata program-program pendidikan pencegahan akan turut diperhebatkan agar pelajar yang belum terlibat dengan masalah itu menjauhi daripada dadah.

Megat Junid, yang mempengerusikan mesyuarat Majlis Dadah Kebangsaan semalam, berkata beliau telah meminta sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan Timbalan Menteri Dalam Negeri Ong Ka Ting untuk mengkaji dan merancang bentuk pemulihan yang sesuai bagi pelajar yang menagih dadah itu.

Jawatankuasa itu diberi tempoh dua bulan untuk mengemukakan cadangannya kepada Majlis Dadah Kebangsaan, katanya.

Rancangan pemulihan yang teliti diperlukan untuk penagih dadah di kalangan pelajar kerana mereka adalah juvana dan perlu meneruskan pendidikan.

"Apa kita hendak buat dengan mereka. Hendak hantar ke Pusat Serenti tak boleh kerana ia akan menjadikan mereka lebih teruk kerana mereka akan bercampur gaul dengan orang dewasa.

"Hendak suruh mereka berhenti sekolah dan menyuruh bapa mereka bela, maknanya kita mencampakkan masalah itu kepada masyarakat. Jadi ini dilema yang kita hadapi," katanya.

Megat Junid berkata, Majlis Dadah Kebangsaan juga telah memutuskan untuk melaksanakan secepat mungkin projek menggunakan pil Naltrexzone bagi merawat penagih dadah di negara ini.

Keputusan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi mendapatkan kelulusan bagi projek itu.

Seramai 2,000 penagih di beberapa Pusat Serenti Dadah di seluruh negara telah dikenalpasti untuk mengikuti rawatan "Naltrexzone" itu.

Melalui rawatan itu, seorang penagih akan mengambil sebiji pil Naltrexzone setiap hari dan akan mengalami muntah-muntah jika mereka mengambil dadah pada hari itu.

Penagih terbabit akan mengambilnya setiap hari sehingga ia lali dengan keadaan bahawa dadah ialah satu benda yang tidak elok. Eksperimen yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) beberapa tahun lepas mendapati bahawa 91 peratus daripada mereka yang menjalani rawatan itu berjaya disembuhkan sepenuhnya.

Megat Junid berkata, jika projek perintis "Naltrexzone" untuk penagih di Pusat Serenti itu berjaya, ibu bapa yang ada anak-anak terlibat dengan penagihan dadah boleh diminta merawat anak-anak mereka di rumah sendiri kemudian.

Pada majlis hari ini, Megat Junid menerima sumbangan sebuah kereta baru berharga RM65,000 daripada syarikat Tan Chong and Sons Co. Sdn Bhd untuk

digunakan oleh bekas penagih dadah bagi projek menyelenggarakan kebersihan Lebuhraya Utara-Selatan.

Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) telah memberikan kontrak berharga RM8 juta kepada Gema Sepakat yang para pekerjanya terdiri daripada bekas penagih dadah.

Beliau juga menerima sumbangan kaset-kaset lagu mengenai pedoman hidup dan pesanan nabi daripada Syarikat Nusantara Gems untuk dimainkan di Pusat-pusat Serenti Dadah. -- BERNAMA

AFY AKD